

# Pekan Papan jadi lombong, masjid dan kubur dipindah

Perak

16 JAN 1975  
IPOH, Rabu.—Apabila Pekan Papan yang telah dibuka semenjak 120 tahun dulu akan dijadikan lombong bijih, sebuah masjid, lebih 200 buah kubur orang Islam dan lebih 60 buah kedai akan dipindahkan.

Pekan tersebut kira-kira lapan batu dari Bandar Ipoh, mempunyai penduduk kira-kira 2,500 orang termasuk lima keluarga orang Melayu.

Baru-baru ini kerajaan Perak mengumumkan, bahawa pekan tersebut akan dipindahkan ke satu tempat di muka jalan masuk ke pekan tersebut.

Mereka akan mendapat ganti rugi dan bayaran-bayaran lain dari syarikat-syarikat lombong bijih yang akan melombong dalam kawasan itu nanti.

Menurut jurucakap kerajaan negeri, perpindahan itu tidak akan dibatalkan, kerana dalam kawasan tersebut mempunyai hasil bijih sekurang-kurangnya sebanyak \$20 juta.

“Kerajaan menilai dari segi ekonomi negeri,

oleh itu tindakan memindahkan penduduk-penduduk akan dijalankan secara beransur-ansur,” katanya.

“Lagi pun kawasan itu tidak mempunyai tempat bercocok tanam, keadaannya serba kekurangan dan penduduk-penduduknya bekerja buruh lombong dan bekerja ditempat-tempat lain,” katanya.

Kebanyakan penduduk dalam kawasan tersebut tidak setuju dipindahkan, kerana mereka sayangkan tempat itu dan mereka merayu kepada kerajaan supaya membatalkan saja rancangan tersebut.

## Seronok

Seorang penduduk, Cik Lambiah binti Majid, 45, tinggal dalam sebuah rumah kayu dan menumpang diatas tanah orang lain, menyatakan seronoknya tinggal ditempat tersebut.

“Kalau pindah dapat tanah sendiri, tapi tak seronok macam duduk di sini,” katanya.

Encik Zainuddin bin Sulaiman, 51, bekas buruh lombong memberitahu, sungguhpun di Pekan Papan ada masjid, tetapi kerana kurang

orang, maka mereka terpaksa sembahyang Jumat di Masjid Pekan Pusing kira-kira tiga batu dari pekan itu.

“Di sini ada masjid telah buruk, ada tanah perkuburan kira-kira 200 kubur, tapi dalam semak dan semuanya itu akan dipindahkan,” katanya.

Seorang gadis Cik Hamidah binti Sulaiman, 35, tinggal dalam sebuah rumah dibelakang pekan tersebut, ketika ditemui menyatakan, dia sendiri tak tahu sama ada tempat baru nanti akan lebih baik dari tempat sekarang.

Seorang penduduk, Encik Law Hoo, 66, memberitahu, dia tinggal di Pekan tersebut lebih 20 tahun bekerja sebagai buruh lombong dan kamudian berniaga.

“Orang-orang di sini merayu kepada kerajaan supaya jangan pindahkan pekan ini,” katanya.

Dia mengakui pekan tersebut terlalu tua dan keadaannya tidak tempurna.

Dalam pekan itu ada sebuah balai polis, sebuah dewan orang ramai yang telah uzur, sebuah masjid terlalu tua dan sebuah sekolah China yang terlalu kecil.—MP.